

Rais jelas pendirian Kerajaan NS

Oleh RADZI MUSTAPHA

SEREMBAN, Khamis — Undang Luak Jelevu sekarang, Datuk Musa bin Wahab, 42 tahun, adalah kekal sebagai Undang yang rasmi, Menteri Besar, Datuk Rais Yatim berkata, hari ini.

Katanya, Kerajaan Negeri menghormati keputusan Dewan Keadilan dan Undang Negeri Sembilan yang telah merestui perlantikan Datuk Musa.

Kerajaan Negeri juga menghormati keputusan Mahkamah Perskutuan yang telah memutuskan Mahkamah Tinggi Seremban tidak berkuasa membatalkan sah tidaknya perlantikan Datuk Musa.

"Pendirian Kerajaan Negeri adalah mudah, ia menghormati keputusan Dewan Keadilan dan Undang serta Mahkamah", katanya dalam sidang akhbar bulanannya di Bilik Gerakan Negeri, di sini, hari ini.

Inilah penjelasan rasmi yang pertama dibuat oleh Kerajaan Negeri berhubung dengan perlantikan seorang lagi Undang iaitu Syed Zain bin Syed Hussin, 67 tahun, seorang pesara pada 31 Disember lalu.

Dengan penjelasan ini, maka surat perlantikan Syed Zain yang akan dihantar kepada Dewan Keadilan dan Undang serta Kerajaan Negeri sudah jelas tidak akan diberi pertimbangan.

Surat tersebut yang akan dihantar minggu ini antara lain meminta Dewan Keadilan dan Undang serta Kerajaan

Negeri mengiktiraf perlantikan Syed Zain dan memberinya hak-hak keistimewaan sebagai seorang Undang.

Surat itu juga akan menyebut bahawa perlantikan Syed Zain adalah sah mengikut Adat dan Luak Jelevu dan Undang-undang Tubuh Kerajaan Negeri Sembilan tahun 1959.

Perlantikan Datuk Musa pada 4 Februari

tahun lalu sebagai Undang Jelevu yang ke-15 mencetuskan rasa tidak puas hati tujuh dari lapan orang Datuk Lembaga (Ketua Adat yang memilih Undang) dan mereka membantah keluar.

Ketujuh-tujuh orang Datuk Lembaga ini yang kemudiannya dipecat telah mengambil tindakan undang-undang di Mahkamah Tinggi Seremban.